

19 NOV 1999
Pilihan Raya-IPF
IPF AKAN TERUS SOKONG BN

IPOH, 19 Nov (Bernama) -- Walaupun dinafikan kemasukan ke dalam Barisan Nasional (BN) sejak 10 tahun lepas, Barisan Progresif India (IPF) terus memberikan sokongan kepada BN dalam pilihan raya umum ke-10 ini.

Presidennya M. G Pandithan berkata mereka akan terus menggerakkan kira-kira 30,000 anggota Pemuda dan Wanitanya untuk berkempen bagi calon BN di semua negeri dan akan memberikan sokongan sepenuhnya pada hari penamaan calon esok.

Sebagai tanda ikhlas dan komitmen, parti itu juga akan berkempen bagi calon-calon MIC, termasuk Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu, di Sungai Siput.

"Saya sendiri akan ke Sungai Siput kerana kami mempunyai kira-kira 38 cawangan di sana. Apa yang lebih penting kini ialah BN dan bukan individu," katanya selepas melancarkan jentera pilihan raya parti negeri di sini malam tadi.

"Apabila anda melihat poster para calon, bayangkan siapa pun dia sebagai Dr Mahathir. BN pasti akan menang tetapi apa yang lebih penting ialah menang dengan majoriti dua pertiga," katanya.

Pandithan, bekas Naib Presiden MIC, berkata parti itu, dengan 350,000 anggota berdaftar, mampu menyumbangkan undi kaum India kepada BN.

"Undi kaum India adalah amat penting pada kali ini. Saya mahu anggota saya memberikan sokongan mereka di belakang BN...sesiapa yang menyokong pembangkang akan disingkirkan," kata Pandithan, yang bertanding bagi kerusi Teluk Intan di bawah tiket DAP pada pilihan raya umum 1990 semasa IPF berada dalam barisan pembangkang.

Katanya beliau telah mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin IPF dari kawasan Utara dan Selatan dan telah mengarahkan mereka menggerakkan semua jentera untuk menyokong BN dan tidak memikirkan kemasukan ke dalam BN buat masa ini.

Pandithan berkata nasib kemasukan IPF ke dalam BN terletak dalam pilihan raya ini dan beliau yakin Pengerusi BN dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menimbangkan permohonan itu tidak lama lagi.

"Kami telah menunggu selama 10 tahun dan kami tidak akan berputus asa. Sebab itu kenapa semua anggota kami akan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kemenangan BN dan menunjukkan komitmen dan keikhlasan kami," katanya.

-- BERNAMA
AR RHM